



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

YB Menteri/ YB Timbalan Menteri /YBhg. Datuk Dr./ YBhg. Datuk /YBhg. Dato'/YBrs. Dr./Tuan/Puan, pemantauan media KPWKM pada 14 Oktober 2024.

**Disediakan oleh,
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat**

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1.	GISBH: JKM Tiada Halangan Serah Kepada Keluarga Kandung, Perlu Kemuka Bukti – Nancy https://themalaysiapress.com/gisbh-jkm-tiada-halangan-serah-kepada-keluarga-kandung-perlu-kemuka-bukti-nancy/ https://www.youtube.com/watch?v=1oTxMrqscal	The Malaysia Press TVS	Neutral
2.	402 Kanak-Kanak GISBH: GPAAK Kemuka 12 Tuntutan Terhadap Kerajaan – Tun Faisal https://malaysiagazette.com/2024/10/13/402-kanak-kanak-gisbh-gpaak-kemuka-12-tuntutan-terhadap-kerajaan-tun-faisal/ https://www.sinarharian.com.my/article/690751/berita/semasa/op-global-gpaak-kemuka-12-tuntutan-terhadap-kerajaan#google_vignette https://www.buletintv3.my/nasional/ibu-bapa-tidak-terlibat-gisbh-mahu-anak-anak-dikembalikan/ https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/10/1310335/gisbh-kembalikan-anak-kami https://www.malaysiakini.com/news/722460#google_vignette https://www.sinarharian.com.my/article/690763/berita/semasa/saya-dipaksa-tandatanganan-borang-kosong-tiba-tiba-disabit-abai-kanak-kanak	Malaysia Gazette Sinar Harian Buletin TV3 Berita Harian Malaysia Kini Sinar Harian	Neutral

	<p>https://www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2024/10/13/10352/kami-mangsa-keadaan-saya-pemandu-limo-menyewa-di-kawasan-mereka-saya</p> <p>https://malaysiagazette.com/2024/10/13/utbah-nafi-perkahwinan-ahli-ditentukan-pemimpin-gisbh/</p> <p>https://harakahdaily.net/index.php/2024/10/13/isu-penahanan-kanak-kanak-gisb-gpaak-tuntut-12-perkara-terhadap-kerajaan/</p> <p>https://malaysiagazette.com/2024/10/13/ada-sesuatu-tak-sihat-dalam-isu-tahan-600-kanak-kanak-gisbh-nizam/</p>	<p>Berita Harian</p> <p>Malaysia Gazette</p> <p>Harakah Daily</p> <p>Malaysia Gazette</p>	
3.	<p>Gangguan Seksual – Jangan Tanya Kenapa ‘Terpilih’, Bersuaralah!</p> <p>https://www.utusan.com.my/rencana/2024/10/gangguan-seksual-jangan-tanya-kenapa-terpilih-bersuaralah/</p>	<p>Utusan</p>	Neutral
4.	<p>'Bayi Saya Hidap Influenza B, JKM Tak Izinkan Jumpa'</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/690765/berita/semas-a/bayi-saya-hidap-influenza-b-jkm-tak-izinkan-jumpa</p> <p>https://malaysiagazette.com/2024/10/13/mgnews-anak-saya-sakit-anak-oku-tak-tahu-di-mana-jawapan-jkm-marah-marah-luahan-ibu-bapa/</p> <p>https://www.youtube.com/watch?v=sz8wMB7EJVk</p>	<p>Sinar Harian</p> <p>Malaysia Gazette</p> <p>Malaysia Gazette</p>	Neutral
5.	<p>JKM Ambil Alih Penjagaan Dua Beradik Terkurung Dalam Rumah</p> <p>https://www.buletintv3.my/nasional/jkm-ambil-alih-penjagaan-dua-beradik-terkurung-dalam-rumah/#google_vignette</p> <p>https://www.utusan.com.my/nasional/2024/10/dua-beradik-dikurung-ibu-kini-bawah-jagaan-jkm/</p>	<p>Buletin TV3</p> <p>Utusan</p>	Neutral

	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/10/1144007/kes-terkurung-dalam-rumah-jkm-ambil-alih-penjagaan-dua-beradik#google_vignette	Harian Metro	
6.	<p>Taman Ceria Fire Victims Receive Aid From JKM, MRC Miri</p> <p>https://www.theborneopost.com/2024/10/14/taman-ceria-fire-victims-receive-aid-from-jkm-mrc-miri/</p>	The Borneo Post	Neutral
7.	<p>Kanak-Kanak Putus Kepala Disambar Buaya Semasa Mandi Pantai</p> <p>https://www.utusan.com.my/nasional/2024/10/kanak-kanak-putus-kepala-disambar-buaya-semasa-mandi-pantai/#google_vignette</p> <p>https://thesun.my/cerita/berita/kanak-kanak-lelaki-maut-dibaham-buaya-di-lahad-datu-FB13126672</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/690746/berita/semasa/budak-maut-dibaham-buaya-ditemukan-tanpa-kepala-tangan</p> <p>https://www.youtube.com/watch?v=eRbLv0PAefw</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kanak-kanak-lelaki-maut-dibaham-buaya-di-lahad-datu-491604</p> <p>https://www.nabalunews.com/post/mayat-kanak-kanak-dipercayai-dibaham-buaya-ditemukan</p> <p>https://www.utusanborneo.com.my/2024/10/13/kanak-kanak-dibaham-buaya-ditemukan-tidak-sempurna-di-pantai-sinakut</p> <p>https://www.buletintv3.my/nasional/mayat-kanak-kanak-lelaki-ditemui-tidak-sempurna-dipercayai-dibaham-buaya/</p> <p>https://sabahmedia.com/2024/10/13/kanak-kanak-maut-dibaham-buaya-di-pantai-sinakut-felda-sahabat/</p>	<p>Utusan</p> <p>The Sun</p> <p>Sinar Harian</p> <p>Astro Awani</p> <p>Astro Awani</p> <p>Nabalu News</p> <p>Utusan Borneo</p> <p>Buletin TV3</p> <p>Sabah Media</p>	Neutral

	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/10/1143984/mayat-kanak-kanak-ditemukan-tidak-sempurna-dipercayai-dibaham-buaya	Harian Metro	
8.	<p>Kanak-Kanak Hilang Ketika Ambil Makanan Di Kereta Ditemukan Selamat, Dipercayai Diculik</p> <p>https://www.hmetro.com.my/utama/2024/10/1143878/kanak-kanak-hilang-ketika-ambil-makanan-di-kereta-ditemukan-selamat-dipercayai</p> <p>https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2024/10/13/kanak-kanak-perempuan-hilang-ketika-ambil-makanan-rupanya-diculik-6-suspek-direman</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/budak-perempuan-hilang-ketika-ambil-makanan-ditemui-semula-dipercayai-diculik-491552</p> <p>https://www.youtube.com/watch?v=oANKm70K2cM</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2024/10/13/madrafataha-ditemui-selamat-enam-suspek-diberkas/</p> <p>https://www.malaysiakini.com/news/722443</p> <p>https://thesun.my/cerita/berita/kanak-kanak-perempuan-hilang-ketika-ambil-makanan-di-kereta-ditemukan-selamat-dipercayai-diculik-AB13125216</p>	<p>Harian Metro</p> <p>MStar</p> <p>Astro Awani</p> <p>Malaysia Gazette</p> <p>Kosmo</p> <p>Malaysia Kini</p> <p>The Sun</p>	Neutral
9.	<p>'Terima Kasih Rakyat Malaysia, Dana Sudah Cukup' - Ibu Kanak-Kanak Hidap Kanser Ovary</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/690673/edisi/sabah-sarawak/terima-kasih-rakyat-malaysia-dana-sudah-cukup---ibu-kanak-kanak-hidap-kanser-ovari</p>	Sinar Harian	Neutral
10.	<p>Kanak-Kanak GISBH: PDRM Siasat Kemungkinan Fahaman Militan Cuba Diterap – KPN</p>		Neutral

	<p>https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/10/1310162/kanak-kanak-gisbh-pdrm-siasat-kemungkinan-fahaman-militan-cuba#google_vignette</p> <p>https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2351330</p> <p>https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/10/13/polis-siasat-unsur-militan-diterap-pada-kanak-kanak-gisbh/</p> <p>https://thesun.my/cerita/berita/gisbh-pdrm-siasat-dakwaan-unsur-jihad-militan-diterap-pada-kanak-kanak-diselamatkan-HB13124344#google_vignette</p>	<p>Berita Harian</p> <p>Bernama</p> <p>FMT</p> <p>The Sun</p>	
11.	<p>Warga Emas Mangsa Mudah Scammer</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2024/10/14/warga-emas-mangsa-mudah-scammer/#google_vignette</p>	<p>Kosmo</p>	Neutral
12.	<p>Banjir: Wanita Warga Emas, Dua Lelaki Terperangkap Atas Pokok</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/690678/berita/semasa/banjir-wanita-warga-emas-dua-lelaki-terperangkap-atas-pokok</p> <p>https://selangorkini.my/2024/10/wanita-warga-emas-dua-lelaki-berpaut-pada-pokok-elak-dihanyut-arus-deras/</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/10/1143853/tiga-mangsa-banjir-berpaut-pada-pokok-untuk-selamatkan-diri</p> <p>https://www.utusan.com.my/nasional/2024/10/banjir-tiga-penduduk-cemas-berpaut-pada-pokok/</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/banjir-kedah-tiga-mangsa-diselamatkan-selepas-terperangkap-atas-pokok-491539</p>	<p>Sinar Harian</p> <p>Selangor Kini</p> <p>Harian Metro</p> <p>Utusan</p> <p>Astro Awani</p>	Neutral

13.	Mayat Warga Emas Ditemui Terapung https://www.dailyexpress.com.my/news/243748/mayat-warga-emas-ditemui-terapung/	Daily Express	Neutral
14.	Rehlah Watan 2024 Platform Oku Buktikan Kemampuan https://suarasarawak.my/rehlah-watan-2024-platform-oku-buktikan-kemampuan/ https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/bakat-golongan-oku-tingkat-potensi-diri https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2351172	Suara Sarawak Berita RTM Bernama	Neutral



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

GISBH: JKM TIADA HALANGAN SERAH KEPADA KELUARGA KANDUNG, PERLU KEMUKA BUKTI – NANCY



KUCHING – Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) tiada halangan menyerahkan kanak-kanak yang diselamatkan melalui Ops Global kepada keluarga atau penjaga sah.

Bagaimanapun, keluarga atau penjaga kanak-kanak tersebut perlu membuktikan mereka adalah penjaga sah dan mempunyai bukti yang kukuh di mahkamah.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga, dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri berkata bukti tersebut merupakan jaminan kepada keselamatan dan kebajikan kanak-kanak tersebut.

“JKM tiada mempunyai niat mahu memisahkan kanak-kanak daripada keluarga, tetapi bertindak mengikut perintah mahkamah supaya dapat menjamin keselamatan kanak-kanak,” kata beliau.

Tambah beliau, JKM mendapati beberapa kanak-kanak tidak pernah bertemu dengan ibu bapa mereka atau tidak mempunyai dokumen pengenalan diri.

“Sudah pasti jadi cabaran bagi kami dalam usaha menyerahkan mereka kepada individu yang mendakwa sebagai ibu bapa mereka,” kata beliau lagi.

Beliau berkata demikian ketika ditemui oleh media selepas menghadiri program Mind Games: Kamek The Best di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Santubong pada Sabtu.

Sebelum itu, sebanyak 660 kanak-kanak telah diselamatkan, namun hanya 559 kanak-kanak masih di bawah jagaan JKM berdasarkan perintah mahkamah.

Selebihnya sudah pun diserahkan kepada keluarga masing-masing susulan tiada tindakan selanjut daripada pihak Majlis Agama Islam dan Polis Diraja Malaysia (PDRM).

402 KANAK-KANAK GISBH: GPAAK KEMUKA 12 TUNTUTAN TERHADAP KERAJAAN – TUN FAISAL



Jurucakap Gerakan Pulangkan Anak-Anak Kami (GPAAK), Datuk Tun Faisal Ismail Aziz bercakap kepada media mengenai isu dakwaan terdapat banyak kecelaruan, tangkapan dan tahanan tidak mengikut undang-undang

dalam isu 402 kanak-kanak dipisahkan daripada ibu bapa mereka kerana dikaitkan dengan GISB Holdings (GISBH) ketika di Putrajaya. Foto MOHD ADZLAN, 13 OKTOBER 2024.

PUTRAJAYA – Gerakan Pulangkan Anak-Anak Kami (GPAAK) mendakwa terdapat banyak kecelaruan, tangkapan dan tahanan tidak mengikut undang-undang dalam isu 402 kanak-kanak dipisahkan daripada ibu bapa mereka kerana dikaitkan dengan GISB Holdings (GISBH).

Jurucakapnya, Datuk Tun Faisal Ismail Aziz berkata, ia termasuk, pelanggaran peraturan, hak asasi manusia, Artikel 9 dan 18 Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak dalam Op Global.

Ia susulan tindakan kerajaan didakwa merampas, menahan, memisah dan menyembunyikan 402 kanak-kanak daripada ibu bapa mereka kerana dikaitkan dengan GISBH.

Sehubungan itu, GPAAK menyenaraikan 12 tuntutan untuk dilaksanakan kerajaan dan pihak berkaitan termasuk memulangkan anak-anak yang ditahan kepada ibu bapa masing-masing.

“Ini kerana ia merupakan suatu kesilapan tangkapan dan kecelaruan risikan serta siasatan di pihak polis dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sejak awal lagi,” katanya pada sidang media di sini hari ini.

Menurut Tun Faisal, kerajaan juga mesti mengambil tindakan tatatertib ke atas pegawai polis dan JKM yang telah melakukan kesalahan menangkap dan risikan terhadap 402 kanak-kanak dari 20 rumah amal yang dikaitkan dengan GISBH.

“Ibu bapa ini dipaksa dan ditipu atau diperdayakan mereka ini untuk menandatangani dokumen yang boleh mengakibatkan mereka didakwa di mahkamah,” katanya.

Selain itu, kerajaan mesti segera membuat semakan kehakiman ke atas perintah lanjutan tahanan anak-anak ini kerana ada kemungkinan permohonan JKM itu dibuat menggunakan maklumat diambil secara menipu, memaksa dan memperdaya ibu bapa anak-anak terbabit.

“Kerajaan mesti segera memaklumkan ibu bapa mengenai keberadaan anak-anak mereka dan membenarkan mereka bertemu anak-anak mereka.

“Kerajaan mesti segera memberi akses kepada media dan GPAAK untuk melihat keadaan ibu bapa dan anak-anak yang masih ditahan di pusat tahanan JKM,” katanya.

Tun Faisal juga mendesak kerajaan meminta Jawatankuasa Pilihan Khas Hak Asasi dan Kesaksamaan Gender Parlimen memanggil dan menyiasat Ketua Polis Negara, Tan Sri Razarudin Husain dan Ketua Pengarah JKM, Datuk Che Murad Sayang Ramjan.

“Ini kerana mereka telah melanggar Artikel 9 dan 18 Konvensyen Hak Kanak-Kanak dan hak asasi ibu bapa anak-anak yang terlibat.

“Kerajaan mesti menubuhkan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) untuk menyiasat pelaksanaan Op Global didakwa celaru, melangkaui skop dan melanggar undang-undang, hak asasi manusia, Artikel 9 dan 18 Konvensyen Hak Kanak-Kanak,” katanya.

Di samping, Tun Faisal turut menuntut kerajaan menyiasat latar belakang dan kredibiliti pemberi maklumat kepada polis iaitu Pusat Kajian Ajaran Sesat (PUKAS) dan wanita yang dikatakan bekas ahli GISBH yang telah membuat pendedahan.

“Sampai ke hari ini kita pun tak tahu siapa sebenarnya PUKAS dan wanita ini, adakah mereka ini benar-benar bekas ahli GISBH atau sebaliknya,” katanya.

Tun Faisal turut mendesak Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri menghentikan kenyataan-kenyataan berkaitan GISBH yang tidak bersandarkan fakta, mengarut, menambah fitnah dan memalukan mereka.

“Di atas kenyataan-kenyataan yang dikeluarkan secara tidak bertanggungjawab oleh beberapa pihak mengenai GISBH sehingga mengakibatkan ibu bapa dan anak-anak ini ditahan mengalami penderitaan, trauma, gangguan psikologi serta kemurungan.

“GPAAK menuntut Ketua Polis Negara, Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) dan Mufti Perlis meletakkan jawatan.

Katanya lagi, GPAAK menuntut agar Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail dan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri bertanggungjawab dan juga wajar meletakkan jawatan.

“Ia bagi kesalahan kerana menangkap, menahan, memisahkan anak-anak daripada ibu bapa mereka, memaksa perakuan palsu, melanggar Artikel 9 dan 18 Konvensyen Hak Kanak-Kanak.

“GPAAK turut berasa marah dan kesal terhadap SUHAKAM, Majlis Peguam dan Persatuan Peguam Muslim yang gagal menghalang kerajaan daripada mencabul hak asasi ibu bapa dan kanak-kanak terbabit.

“Malah mereka gagal bertindak pantas untuk melindungi mereka daripada sebarang bentuk kezaliman, salah guna kuasa dan penindasan,” katanya lagi. – MalaysiaGazette

'BAYI SAYA HIDAP INFLUENZA B, JKM TAK IZINKAN JUMPA'



PUTRAJAYA - Ibu kepada lima kanak-kanak yang ditahan semasa Op Global di Kampung Giching, Sepang mendakwa tidak diizinkan untuk bertemu anak-anak terutama bayinya yang berusia satu tahun enam bulan.

Masyitah Md Isa, 31, yang hanya bekerja sebagai sukarelawan pusat tahfiz mendakwa, sudah lebih sebulan dia tidak mendengar khabar tentang anak-anak, melainkan baru-baru ini bayinya disahkan dijangkiti Influenza B.

Wanita itu berkata, dia terpaksa 'merempuh' masuk pekarangan hospital demi melihat sendiri keadaan anak bongsu dan akhirnya diberikan tempoh melawat selama satu jam.

"Ketika itu, keadaan dia dah pakai tiub. Bayi saya masih menyusu badan, tetapi disebabkan saya mengandung, saya ajar guna botol susu. Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) ada kata adik-beradik diasingkan di lokasi berbeza ikut peringkat umur.

"Pegawai polis dan JKM kata di bawah perintah mahkamah dan ditahan mungkin sebab tinggal di rumah amal yang disabitkan dengan penderaan kanak-kanak.

"Tetapi, ada juga pegawai yang mempertikaikan kenapa anak ditahan kalau ada bersama mak," katanya.

Dia berkata demikian ketika sidang akhbar Gerakan Pulangkan Anak-Anak Kami (GPAAK) yang diadakan di sini pada Ahad.

Masyitah turut memaklumkan, dia dan suami tidak terlibat sama sekali dengan ajaran atau gerakan GISB Holding Sdn Bhd (GISBH), namun merasa aneh kerana diperlakukan serta didakwa atas pertuduhan sama seperti ahli GISBH lain iaitu pengabaian kanak-kanak.

Tambahnya, ketika serbuan dibuat, dia diberitahu bahawa kesemuanya ditahan mungkin disebabkan mereka tinggal di rumah amal atau premis yang dikaitkan dengan pertuduhan mendera kanak-kanak.

"Alasan JKM tak bagi jumpa anak-anak pula kerana kami di bawah perintah mahkamah.

"Sebelum ini, ada pegawai penyiasat (IO) nasihat supaya tuntutan anak saya sebab dia sendiri terkejut mengapa belum tuntutan anak saya?"

"Dia yang suruh saya bawa sijil beranak dan sijil nikah untuk tuntutan anak di satu kawasan di Cheras. Bila saya pergi ke sana, pegawai JKM marah dan mengatakan tak boleh jumpa," ujarnya.

JKM AMBIL ALIH PENJAGAAN DUA BERADIK TERKURUNG DALAM RUMAH

AMPANG JAYA: Dua kanak-kanak lelaki yang diselamatkan polis selepas terkurung di dalam rumah selama dua hari di Taman Kosas, di sini, kini berada di bawah jagaan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Pengarah JKM Selangor, Azmir Kassim berkata, kanak-kanak berusia setahun dan enam tahun itu ditempatkan oleh JKM di hospital untuk pemeriksaan.

"Satu perintah sementara akan diambil bagi kanak-kanak ini dijaga JKM," katanya kepada Harian Metro malam ini.

Media sebelum ini melaporkan kanak-kanak terbabit hanya dibekalkan wang RM5 sebelum ibu mereka keluar bekerja, namun tidak pulang selama dua hari menyebabkan dua kanak-kanak lelaki yang terkurung di dalam rumah di Taman Kosas itu meminta bantuan jiran menyelamatkan mereka.

Kebetulan jiran itu ketika pulang dari kerja jam 7 malam melihat mangsa berada di pintu jeriji meminta mencari ibu mereka yang tidak pulang ke rumah selama dua hari.

Jiran terbabit terpaksa menghubungi polis selepas tidak dapat masuk ke rumah sebelum kanak-kanak berusia setahun dan enam tahun itu diselamatkan polis jam 8.30 malam Selasa lalu.

Ketua Polis Daerah Ampang Jaya, Asisten Komisioner Mohd Azam Ismail dilaporkan berkata, anggota polis bertugas di pusat kawalan daerah menerima panggilan telefon daripada orang awam memberitahu dua kanak-kanak terkurung di dalam rumah kerana ibu tidak pulang selama dua hari.

Kedua-dua kanak-kanak lelaki itu diselamatkan polis Ampang Jaya dan dibawa ke Hospital Ampang bagi pemeriksaan sebelum ibu mereka ditahan untuk siasatan.

KANAK-KANAK PUTUS KEPALA DISAMBAR BUAYA SEMASA MANDI PANTAI



MANGSA kanak-kanak lelaki maut disambar buaya ketika mandi bersama rakan di Pantai Sinakut Felda Sahabat, Desa Kencana, di Lahad Datu hari ini.

LAHAD DATU: Kegembiraan seorang kanak-kanak lelaki mandi di pantai bertukar tragedi apabila mangsa maut [disambar buaya](#) dalam kejadian di Pantai Sinakut Felda Sahabat, Desa Kencana, di sini hari ini.

Dalam kejadian pukul 8.30 pagi itu, kanak-kanak berusia 10 tahun tersebut disahkan meninggal dunia di lokasi kejadian dengan kepala dan tangan sebelah kanan putus.

Ketua Polis Daerah Lahad Datu, Asisten Komisioner Dzulbaharin Ismail berkata, siasatan awal mendapati kejadian itu berlaku semasa mangsa bersama lima rakan lain mandi di Pantai Sinakut.

“Semasa mandi mangsa disambar dan diheret oleh seekor buaya ke tengah laut. Usaha mencari dan menyelamatkan dilakukan oleh ahli keluarga dan penduduk kampung tetapi gagal,” kata beliau.

Beliau berkata, selepas usaha mencari tidak berjaya pengadu membuat laporan polis di Balai Polis Desa Kencana sebelum empat anggota dihantar ke lokasi kejadian.

“Mangsa ditemukan pada jarak 600 meter dari lokasi kejadian dan disahkan meninggal dunia. Pemeriksaan mendapati mangsa mengalami kecederaan putus kepala dan tangan sebelah kanan,” katanya.- [UTUSAN](#)

KANAK-KANAK HILANG KETIKA AMBIL MAKANAN DI KERETA DITEMUKAN SELAMAT, DIPERCAYAI DICULIK

Shah Alam: Kanak-kanak perempuan berusia 12 tahun yang dilaporkan hilang di sebuah flat di Bandar Bukit Tinggi 1, Klang, pada 8 Oktober lalu ditemukan dalam keadaan selamat petang semalam.

Ketua Polis Daerah Klang Selatan Asisten Komisioner Cha Hoong Fong berkata, mangsa ditemukan jam 2.30 petang.

Beliau berkata, hasil siasatan berdasarkan rakaman kamera litar tertutup (CCTV) di premis berdekatan mendapati kanak-kanak itu berjalan sebelum menaiki sebuah Perodua Myvi dipercayai diculik.

Katanya, polis mengklasifikasikan semula kes mengikut Seksyen 363 Kanun Keseksaan iaitu kesalahan menculik mana-mana orang atau dari penjagaan yang sah di sisi undang-undang.

"Bertindak atas maklumat, pada jam 5 petang semalam, enam individu warga tempatan termasuk dua wanita ditahan di Segambut Dalam, Setia Alam dan Pandamaran oleh anggota Cawangan D8, Jabatan Siasatan Jenayah Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Selangor dan Bahagian Siasatan Jenayah IPD Klang Selatan.

"Hasil semakan terhadap kesemua suspek berusia 13 hingga 23 tahun itu mendapat seorang daripada mereka mempunyai rekod jenayah lampau," katanya dalam kenyataan hari ini.

Beliau berkata, siasatan awal mendapati kanak-kanak itu mengenali salah seorang daripada suspek dan siasatan lanjut masih dijalankan.

Katanya, polis turut merampas Perodua Myvi yang dipercayai digunakan ketika kejadian.

"Orang ramai yang mempunyai maklumat diminta menyalurkan terus kepada IPD Klang Selatan di talian 03-33762222 atau mana-mana balai polis berhampiran," katanya.

Media pada Rabu lalu melaporkan kanak-kanak berusia 12 tahun dilaporkan hilang selepas turun mengambil makanan dari kereta yang diparkir di bawah kediamannya di sebuah flat di Bandar Bukit Tinggi 1, Klang.

Hoong Fong berkata, kanak-kanak itu ke tempat parkir selepas disuruh ibunya mengambil makanan dalam kereta pada Selasa.

"Kanak-kanak itu turun seorang diri dan tidak kembali ke rumah. Pada jam 3 petang, ibu mangsa bertindak mencari namun tidak menemuinya sebelum membuat laporan polis," katanya.

REHLAH WATAN 2024 PLATFORM OKU BUKTIKAN KEMAMPUAN



Ketua Pasukan Kumpulan Terbaik dari pasukan Bonnie Bunyau, Harman Halion, 47, yang merupakan bekas atlet bola tampar duduk, ketika ditemui BERNAMA pada Majlis Penutup Rehlah Watan sempena Sambutan Hari Sukan Negara 2024 di Kompleks Kementerian Komunikasi hari ini.

PUTRAJAYA: Penyertaan peserta orang kurang upaya (OKU) dalam program Rehlah Watan 2024 membuktikan golongan itu tidak lemah.

Sebaliknya, mereka mampu menamatkan persaingan dan mengharungi rintangan, kata Ketua Pengarah Jabatan Penerangan (JAPEN), Julina Johan.

Beliau berkata program berkonsepkan perlumbaan dalam kumpulan atau 'explorace' yang julung kali diadakan itu menyetengahkan aktiviti komunikasi bersemuka melibatkan 75 peserta yang dibahagikan kepada 15 kumpulan.

"Program ini dilaksanakan dengan objektif untuk meningkatkan kesedaran tentang Malaysia MADANI kepada komuniti OKU dan masyarakat awam melalui aktiviti kesukanan serta semangat patriotisme dalam memahami sejarah dan pembangunan negara.

"Pelbagai aktiviti menarik diadakan seperti larian ukhuwah (persaudaraan), Kahoot!, Q-Puzzle, kuiz dan sebagainya.

"Semua peserta perlu melalui semua aktiviti ini yang terdapat di enam 'checkpoint' yang telah ditetapkan," katanya dalam ucapan penutup program anjuran jabatan itu sempena Hari Sukan Negara.

Teks ucapannya dibacakan oleh Pengarah Kanan (Pengurusan) JAPEN, Naim Fahmi Ahmad Tajuddin.

Julina berkata kerajaan sentiasa komited untuk memastikan golongan OKU dapat membina kehidupan lebih baik dan menyumbang kepada negara dalam pelbagai aspek termasuk pendidikan, pembangunan kerjaya, kebolehcapaian dan hak kesamarataan berteraskan konsep Malaysia MADANI.

Sementara itu, Harman Halion, yang mengetuai kumpulan Bonnie Bunyau yang dinobatkan sebagai kumpulan terbaik, menyifatkan program itu sebagai aktiviti kesukanan yang mampu memupuk semangat kerjasama dan persefahaman antara semua ahli.

“Semua kami atlet, jadi semangat persaingan sentiasa ada dalam jiwa untuk pastikan sentiasa di hadapan walaupun menggunakan kerusi roda.

“Tetapi persefahaman antara kami sentiasa ada untuk pastikan pasukan ini bergerak lancar,” kata bekas atlet bola tampar duduk berusia 47 tahun itu.

Bagi pemegang pingat emas acara individu TPB8 (kecacatan fizikal) pada Sukan Para Malaysia (Para SUKMA) 2024 baru-baru ini, Ahmad Nazri Hamzah, 34, semangat kesukanan sentiasa tersemat di hati bagi membolehkan kumpulan Bonnie Bunyau menjulang gelaran juara pada program itu.

“Semangat (kesukanan) kami zahirkan dalam program ini walaupun daripada bidang sukan berlainan tetapi matlamat tetap sama, iaitu mahu menjadi juara dan kami dapat apa yang diimpikan,” katanya.

Ahmad Nazri turut menzahirkan penghargaan kepada Kementerian Komunikasi dan JAPEN kerana menganjurkan Rehlah Watan 2024 dan berharap program seumpama ini dilaksanakan lagi di masa hadapan. – BERNAMA